

22 MAY 2002
MAHATHIR-SEOUL/I
MAHATHIR AKHIRI LAWATAN KE JEPUN, TERBANG KE SEOUL

Oleh: Siti Hawa Othman

NAGASAKI, 22 Mei (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berlepas ke Seoul, Korea Selatan pada kira-kira pukul 4 petang ini setelah lawatan singkat ke Nagasaki.

Ini mengakhiri lawatan tiga hari beliau yang pada ke Jepun mulai 20-22 Mei.

Perdana Menteri, yang mempunyai jadual yang sibuk di Tokyo semalam, telah terbang ke Nagasaki pagi ini untuk upacara menamakan sebuah kapal yang dibeli oleh Malaysia International Shipping Corporation Bhd (MISC).

Setibanya di lapangan terbang itu, Dr Mahathir dan rombongannya dibawa oleh sebuah bas khas ke limbungan Koyagi di mana kapal itu telah dibina.

Beliau menyerikan acara itu dengan menamakan kapal itu Puteri Intan Satu.

Pemotongan tali oleh Perdana Menteri telah diikuti dengan pameran sepanduk besar di sebelah dek, yang membawa nama kapal itu.

Beliau kemudian membuat lawatan singkat Kapal No. 2165.

Beliau turut menghadiri makan tengah hari yang diadakan di Prince Hotel bagi memperingati penamaan kapal itu, di mana beliau menyampaikan ucapan.

Dr Mahathir berlepas ke Lapangan Terbang Nagasaki pada kira-kira pukul 3 petang sebelum terbang ke Korea di dalam sebuah jet eksekutif.

Semasa lawatan beliau, Dr Mahathir telah mengadakan pertemuan yang berhasil dengan rakan sejawatnya di Jepun Junichiro Koizumi di mana Jepun memberikan jaminannya untuk terus membantu Malaysia.

Isu-isu lain yang diliputi semasa perbincangan itu termasuk pinjaman mudah bagi projek-projek di Malaysia, dan juga penubuhan sekretariat Asean+3 yang merupakan permulaan ke arah perasmian Kumpulan Ekonomi Asia Timur (EAEG) yang dicadangkan itu.

Jepun telah menyokong cadangan bagi sekretariat itu ditubuhkan di Malaysia. -- BERNAMA

SHO MR FR OS